

Mekanisme Aplikasi *Takharuj* dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Kuala Terengganu

The Mechanism of Application for *Takharuj* in Distribution of Small Heirloom Estate in Kuala Terengganu

WAN NAJMIAH WAN MOHAMAD ALI
MD YAZID AHMAD

ABSTRAK

Isu perbalahan sesama ahli waris dalam menyelesaikan pembahagian pusaka sering menjadi tajuk utama akhbar. Fahaman wajib menerima ketetapan faraid serta tiada tolak ansur sesama waris menyebabkan kes pusaka sukar diselesaikan. Tidak hairanlah lebih RM42 bilion nilai hartanah orang Melayu tidak dituntut. Kesemua masalah ini tidak akan wujud sekiranya masyarakat Islam di Malaysia khususnya ahli waris yang terlibat memahami hukum pusaka Islam secara holistik merangkumi konsep takhāruj. Takhāruj bermakna ahli waris menarik diri daripada menerima bahagian harta pusaka sama ada sebahagian atau kesemuanya dengan memberikan bahagiannya itu kepada waris lain sama ada dengan balasan atau tanpa balasan. Konsep ini dibenarkan dalam Islam dengan syarat semua waris yang terlibat bersetuju dan reda. Takhāruj sebenarnya memberi ruang kepada ahli waris membahagikan harta dengan cara terbaik. Takhāruj adalah sebahagian dari hukum faraid itu sendiri kerana sebarang penolakan dan penarikan diri waris dibuat dalam batasan hak dan kadar yang ditetapkan oleh syarak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan ulama mazhab tentang konsep takhāruj. Seterusnya mengkaji aplikasi konsep takhāruj dalam kes-kes harta pusaka kecil di Kuala Terengganu. Kemudian mengenal pasti kaedah penyelesaian pusaka secara takhāruj yang diaplikasikan di Kuala Terengganu sama ada selaras dengan konsep takhāruj dalam Islam ataupun tidak.

Kata kunci: takhāruj; hukum Farāid; pusaka Islam

ABSTRACT

Contentious issues among the beneficiaries in resolving the division of inheritance is often made headlines. Obligated to accept the resolution of faraid without understanding and tolerance among heirs to cause the cases of inheritance being difficult to be resolved. No wonder more than RM42 billion of valuation of Malay propertyship not be claimed. All of these problems would not exist if the Muslim community in Malaysia especially heirs are aware of Islamic law of inheritance holistically encompasses the takhāruj. Takhāruj mean withdrawing from receiving the inheritance, whether in part or in total by giving its share to the other heirs either by consideration or without consideration. This concept is allowed in Islam, provided all beneficiaries involved agree and consent. Takhāruj actually give space to the heirs divide the property in the best way. Takhāruj is part of law of faraid itself because any rejection and withdrawal made by beneficiaries within the limits of right and rate prescribed by law. The objective of this study is to identify the views of Muslim scholars regarding the concept of takhāruj. Next, to review the application of takharuj in the cases of small heirloom estate in Kuala Terengganu. And then, to identify methods of solution applied as to takhāruj in Kuala Terengganu either in accordance with the concept of Islam or not.

Keywords: Takhāruj; law of descent and distribution; Islamic inheritance

PENGENALAN

Isu perbalahan sesama ahli waris dalam menyelesaikan pembahagian pusaka sering menjadi tajuk utama akhbar, antaranya, ‘Anak Mohon Ibu Junjung Al-Quran Nafi Wasiat Ayah’ (Utusan Malaysia 2003), ‘Gara-gara Pusaka Lelaki Tua Diikat Ambil Cap Jari’ (Utusan Malaysia 2005), ‘Pasal Harta Pusaka – Abang Robohkan Kediaman Adik’ (Norlisa Wasilan 2009) dan ‘Dua Anak Syed Kechik Halang Abang’

(Berita Harian 2010). Menurut Sukriah Ismail (2006) ini semua berlaku kerana ahli waris terlibat bertelingkah dalam pembahagian pusaka disebabkan tidak sehaluan dalam proses pembahagian.

Justeru berpegang kepada fahaman wajib menerima ketetapan faraid secara mandatori kerana ia telah ditentukan oleh Allah SWT, sekiranya dilepaskan hukumnya adalah berdosa, menyebabkan timbul kes pemilikan beramai-ramai atas satu geran tanah seperti satu kes di Kampung Baru, Kuala

Lumpur yang melibatkan sebidang tanah berukuran 371.6 meter persegi (4000 kaki persegi) yang mempunyai 100 orang yang berhak terhadapnya (Shs Nh Khy 2007). Jika dibahagi sama rata setiap waris berhak mendapat bahagian seluas 3.7 meter persegi seorang (40 kaki persegi). Apakah boleh dibuat dengan keluasan tanah sebesar itu? Ini menyulitkan urusan yang membabitkan tanah tersebut seperti pembayaran cukai tanah malah menyebabkan ianya tidak ekonomi untuk dibangunkan.

Sikap tiada tolak ansur sesama waris pula akan menyebabkan kes pusaka sukar diselesaikan. Tidak hairanlah lebih RM42 bilion nilai hartanah orang Melayu tidak dituntut. Sekiranya berlaku kematian ahli waris, kes-kes *munāsakhah* pula akan timbul. Ini akan menyulitkan lagi pembahagian pusaka kerana bilangan ahli waris yang layak semakin ramai dan nilai RM42 bilion di atas akan meningkat.

Kesemua masalah ini tidak akan wujud sekiranya masyarakat Islam di Malaysia khususnya ahli waris yang terlibat memahami hukum pusaka Islam secara holistik merangkumi konsep *takhāruj*. *Takhāruj* bermakna ahli waris menarik diri daripada menerima bahagian harta pusaka sama ada sebahagian atau kesemuanya dengan memberikan bahagiannya itu kepada waris lain sama ada dengan balasan atau tanpa balasan. Konsep ini dibenarkan dalam Islam dengan syarat semua waris yang terlibat bersetuju dan reda. *Takhāruj* sebenarnya memberi ruang kepada waris-waris membahagikan harta dengan cara terbaik. *Takhāruj* adalah sebahagian dari hukum faraid itu sendiri kerana sebarang penolakan dan penarikan diri waris dibuat dalam batasan hak dan kadar yang ditetapkan oleh syarak.

Persoalannya, apakah pandangan ulama tentang konsep *takhāruj* dalam Sistem Pusaka Islam? Bagaimanakah konsep ini diaplikasikan di Unit Pembahagian Pusaka Kecil (UPPK) Kuala Terengganu? Adakah mekanisme *takhāruj* yang diguna pakai di UPPK Kuala Terengganu sebagai kaedah penyelesaian pusaka ini selaras dengan syarak? Justeru itu, satu kajian lanjutan berhubung pandangan ulama tentang konsep *takhāruj* secara terperinci dalam Sistem Pusaka Islam dan aplikasinya di Unit Pembahagian Pusaka Kecil (UPPK) Kuala Terengganu perlu dilakukan sebagai kesinambungan kajian-kajian yang terdahulu bagi memperkasakan kaedah penyelesaian pusaka di Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Hukum Pusaka Islam yang terdapat dalam kitab-kitab tradisi seperti *al-Umm* karangan Imam Shāfi'i (2001), *Raudah al-Talibin* tulisan Imam Nawawi (1992), *al-Muhadhab fi Fiqh Imām Shāfi'i* oleh al-Shīrāzī (1995), *Hāshiyat al-Dusūqī 'Ala Sharh al-Kabīr* karangan al-Dusūqī (t.th.), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid* oleh Ibnu Rushd (1999) dari mazhab Maliki, *al-Mabsut* karangan al-Sarkhasi (t.th.) dari mazhab Hanafi dan *Al-Kāfi fi Fiqh Imām al-Mujjābal Ahmad bin Hanbal* oleh Ibn Qudāmah (1988) dari mazhab Hanbali hanya berkisar kepada sebab-sebab pewarisan, kategori ahli waris, hak-hak dan bahagian-bahagian setiap ahli waris, halangan-halangan pewarisan serta kaedah cara pengiraan.

Penulisan ulama dalam ilmu faraid seterusnya berkembang kepada bentuk yang lebih mudah difahami berserta dengan contoh penyelesaian bagi setiap masalah pembahagian pusaka seperti yang dilakukan oleh cAbd al-Karīm Muhammad al-Lāhīm (2006) dalam *al-Farāid*, Ahmad 'Abd al-Jawwād dalam *Uṣūl 'Ilm al-Mawārīth: Qismat al-Tarikah bi al-Tarīqat al-Ḥisābiyyah wa al-Qīrāt* dan Abu al-'Ulā Khalifah (2005) melalui tulisannya *Ahkām al-Mawārīth, Dirāsāt Taṭbīqīyyah*. Konsep *takhāruj* turut dibincangkan dalam satu bab khusus seperti dalam penulisan Abu al-'Ulā Khalifah (2005), al-Sabūnī (1995), al-Shalabī (1978), al-Ḥaṣārī (1992) dan Ahmad Farāj Husayn (2003). Perbincangan mereka mengenai kaedah *takhāruj* berkisar kepada takrif, hukum dan bentuk penyelesaian di samping syarat-syarat dan kesan akad *takhāruj* kepada waris dan harta pusaka termasuk pembatalan *takhāruj*. Malah Abū Zuhrah (1923) dan Muhammad Qadrī Bāshā (2006) turut membincangkan peruntukan undang-undang berkaitan *takhāruj*.

Walaupun terdapat banyak kajian-kajian ilmiah berkaitan dengan Pentadbiran Harta Pusaka Orang-orang Islam di Malaysia sebelum ini seperti yang telah dihasilkan oleh Hawa Noordin (2002), Jasni Sulong (2005), Ratna Zuhairah Abdul Halim (2006), Baharuddin Aziz (2009) dan Wan Saifuldin W. Hassan (2010) namun, kajian yang membincangkan secara khusus tentang *takhāruj* amat sedikit dan perbincangannya tidak terperinci apatah lagi kajian aplikasi konsep *takhāruj* yang diamalkan di UPPK Kuala Terengganu. Tambahan pula Wan Saifuldin

W. Hassan (2010) dalam kajiannya terhadap kes-kes *munāsakhāt* di UPPK Kuala Terengganu mendapati kecenderungan waris-waris menggunakan kaedah *takhāruj* berbanding kaedah faraid. Melalui penganalisan pengkaji terhadap kajian-kajian berkenaan harta pusaka yang pernah dibuat, terlalu kurang perbincangan secara khusus tentang *takhāruj*. Sehubungan dengan itu, satu kajian lanjutan berhubung dengan konsep *takhāruj* secara terperinci dan aplikasinya perlu dilakukan dan pengkaji memilih UPPK Kuala Terengganu sebagai lokasi kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini mengaplikasikan tiga kaedah pengumpulan data iaitu melalui teknik temu bual tidak berstruktur, teknik kajian kepustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab tradisi, buku-buku, artikel jurnal, kajian penyelidikan dalam bentuk disertasi doktor falsafah dan sarjana, majalah-majalah, fail-fail Nota Bicara dan statut-statut dan akhir sekali melalui pendekatan *convenience* iaitu dengan merujuk fail-fail yang mengandungi Nota Bicara tanpa formula khusus. Mana-mana fail yang mudah didapati akan diambil dan data-data yang dikehendaki dikumpulkan. Kajian ini hanya mengambil data-data kes pusaka orang Islam di bawah seksyen 8, Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 sahaja. Jumlah kes pusaka yang didaftarkan di bawah Seksyen 8 bagi tahun kajian 2006 hingga 2010 bagi Daerah Kuala Terengganu adalah sebanyak 5,311 kes. Untuk kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada 1063 Nota Bicara bagi tahun 2006 hingga 2010 iaitu 20 peratus (20%) daripada jumlah kes terima pada tahun laporan.

Teknik temu bual tidak berstruktur dengan informan yang mempunyai autoriti dalam bidang kajian ini dilakukan secara langsung dan bersemuka (*face to face*) untuk memperoleh data primer sementara teknik kajian kepustakaan dan pendekatan *convenience* digunakan untuk memperoleh data sekunder. Melalui temu bual tidak berstruktur, pengkaji mendapatkan maklumat dengan mengemukakan persoalan-persoalan kajian berhubung aplikasi *takhāruj* di UPPK Kuala Terengganu untuk mendapatkan pandangan dan pendirian responden serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

Tatacara penganalisan data pula dilakukan dengan menggunakan teknik analisis deskriptif ke atas kesemua data-data yang diperoleh melalui temu bual tidak berstruktur, kajian kepustakaan

dan pendekatan *convenience*. Semua data-data yang diperoleh ini dikumpulkan dalam bentuk transkripsi untuk dianalisis merangkumi sumber-sumber hukum dan pendapat ulama berhubung dengan konsep *takhāruj* dan data-data maklumat daripada fail-fail Nota Bicara kes pusaka kecil di UPPK Kuala Terengganu serta data-data temu bual tidak berstruktur. Matlamat teknik analisis deskriptif ini digunakan ialah untuk menghuraikan data dan maklumat yang diperoleh.

ANALISIS TINJAUAN LITERATUR

KESEPAKATAN TENTANG KEHARUSAN HUKUM *TAKHĀRUJ* DI SISI SYARAK

Keempat-empat mazhab bersepakat bahawa *takhāruj* diharuskan oleh syarak kerana ia adalah *sulh* yang dianjurkan oleh Islam (Bāshā 2006). Antara nas al-Quran yang menjadi sandaran hujah mereka ialah seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 129:

Maksudnya: Maka tiadalah salah bagi mereka membuat perdamaian di antara mereka berdua, kerana perdamaian itu lebih baik.

KEBANYAKAN PENULISAN ULAMA MENGENAI *TAKHĀRUJ* MERUJUK KEPADA SATU *ATHAR* YANG DILAKUKAN OLEH TAMĀDHUR

Dalil yang menjadi sandaran dalam kebanyakan penulisan ulama mazhab tentang amalan *takhāruj* adalah berdasarkan kepada *athar* yang berlaku pada zaman pemerintahan Othman bin Affan (al-Baihaqī 1999):

Maksudnya: Berkaitan apa yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Hasan dari Amru bin Dinar tentang salah seorang isteri Abdul Rahman bin Auf r.a. yang dilakukan *musōlahah* terhadapnya (dengan persetujuan isteri tersebut) dengan dibayar 83,000 (dinar) untuk mengeluarkannya dari senarai ahli waris. Isteri Abdul Rahman bin Auf r.a. itu bernama Tamadhur telah diceraikan olehnya ketika beliau sakit (sebelum meninggal dan ketika Abdul Rahman bin Auf r.a. meninggal, isterinya masih dalam edah) maka para sahabat berselisih pendapat tentang cara isterinya itu perlu menerima perwarisan, lalu mereka telah melakukan *musōlahah* terhadapnya. Abdul Rahman bin Auf r.a. mempunyai empat orang isteri dan anak-anak. Maka dalam pembahagian (biasa mengikut faraid) Tamadhur akan mendapat $\frac{1}{4}$ dari $\frac{1}{8}$ bahagian dari 32 bahagian harta yang ditinggalkan oleh suaminya, dia bersetuju menerima separuhnyanya iaitu satu bahagian dari 64 bahagian bersamaan dengan 83,000 (dinar), sedangkan cara pembahagian yang seumpama itu tidak pernah dinyatakan di dalam al-Quran.

TIADA KESERAGAMAN KONSEP *TAKHĀRUJ* DALAM PENULISAN ULAMA MAZHAB

Pengkaji mendapati tiada keseragaman dalam penulisan ulama-ulama mazhab tentang konsep *takhāruj*. Ini kerana penghuraian mereka tentang konsep tersebut bergantung kepada interpretasi mazhab tersebut tentang konsep *takhāruj*. Penyelesaian secara kaedah *takhāruj* hanya dibincangkan secara khusus dalam penulisan ulama mazhab Hanafi seperti yang terdapat dalam kitab *Radd Mukhtār* (Ibn ʿĀbidīn 2000).

Ulama mazhab Maliki pula membincangkan konsep *takhāruj* dari aspek benda yang menjadi balasan atau gantian pertukaran itu sama ada daripada harta *tarikah* atau dari harta lain (al-Dusūqi t.th.). Manakala bagi ulama mazhab *Shāfiʿi*, konsep *takhāruj* dimasukkan dalam perbincangan konsep reda meredai dalam bab jual beli dan bab *sulh* seperti dalam kitab *al-Bayān* (al-ʿImrānī 1421H) dan kitab *al-Umm* oleh Imam Shāfiʿi (2001). Malah fokus perbincangan mereka dalam konsep *takhāruj* ialah berkaitan dengan persetujuan atau penafian waris-waris dalam *tasaluh* yang dilakukan terhadap *tarikah*. Sementara ulama Hanbali tidak membincangkan konsep ini secara khusus malah meletakkan konsep ini dalam bab *sulh* secara umum berdasarkan konsep reda meredai dan persetujuan bersama dan dalam konteks ini ia akan dianggap jual-beli, hibah atau *ibraʿ* (Ibn Qudāmah 1994).

KEPELBAGAIAN DALAM PENGGUNAAN ISTILAH *TAKHĀRUJ*

Pengkaji mendapati istilah *takhāruj* hanya terdapat dalam penulisan ulama Hanāfiyyah (Ibn ʿĀbidīn 2000). Dalam kitab-kitab ulama Mālikiyyah (Ibn Rushd 1999), Shāfiʿiyyah (al-Nawawi 1992) dan Hanābilah (Ibn Qudāmah 1988) pula, istilah *takhāruj* tidak digunakan secara langsung kerana mereka menggunakan istilah *sulh* atau *tasālulh* dalam perbincangan mereka tentang konsep *takhāruj*. Muafakat, ‘*mutual agreement*’, *sulh* dan persetujuan bersama pula merupakan antara istilah-istilah seerti dengan konsep *takhāruj* yang diguna pakai oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti Mohamad Khairul Anwar Osman (2001), Hawa Noordin (2002), Wan Nadiyah Wan Endut (2005), Jasni Sulong (2005) dan Ratna Zuhairah Abdul Halim (2006).

AKAD *TAKHĀRUJ* TERTAKLUK KEPADA CARA PENYELESAIAN YANG DIPERSETUJUI OLEH WARIS-WARIS

Pengkaji mendapati perbincangan ulama tentang akad *takhāruj* bergantung kepada cara penyelesaian yang dipersetujui oleh waris-waris. Ianya menjadi *mubādalah* jika harta yang ditukar sama nilai, maka setiap pihak yang terlibat hendaklah melakukan penyerahan mengikut nilai yang dipersetujui bersama (berdasarkan nilai semasa) (al-Hasarī 1992). Mengikut Hanafiyyah jika penyerahan berlaku kurang dari nilai yang sama maka ianya termasuk dalam kategori hibah, jika setara atau lebih dari nilainya maka ianya adalah jual beli (Ibn ʿĀbidīn 2000). *Muaʿwadah* dalam *takhāruj* berlaku apabila penyerahan haknya dilakukan sama ada dengan diganti sesuatu yang lain dari harta pusaka atau dari harta yang lain (bukan dari harta pusaka). Ini adalah pandangan ulama mazhab Shāfiʿi (al-Māwardī 1994).

Manakala pandangan dari mazhab Hanafi pula membezakan sekiranya gantian dari harta pusaka, maka ia adalah *muʿawadah* atau *mubādalah*, tetapi jika dari harta lain maka ianya adalah jual beli. *Takhāruj* menjadi *ibraʿ* apabila seorang ahli waris memberi sebahagian haknya dan mengekalkan haknya pada sebahagian harta yang lain. Ianya menjadi hibah apabila ahli waris melepaskan haknya tanpa sebarang ganti rugi atau bayaran atau imbal balik. *Takhāruj* boleh dibahagi secara *muqāsamah* sekiranya ahli waris yang menarik diri melakukan *takhāruj* tanpa balasan, mengenakan syarat agar bahagiannya dibahagi sama rata di kalangan ahli waris lain (al-Māwardī 1994).

TIGA BENTUK *TAKHĀRUJ*

Berdasarkan perbincangan ulama-ulama mazhab, pengkaji merumuskan terdapat tiga bentuk penyelesaian secara *takhāruj*. Bentuk-bentuk tersebut ialah:

1. *Takhāruj* antara dua orang waris secara percuma atau dengan bayaran (al-Nawawi 1992).
2. *Takhāruj* di antara seorang waris dengan waris-waris lain dengan imbalan bahagian tertentu daripada *tarikah* seperti rumah dan haknya dalam harta-harta lain diserahkan semuanya kepada waris-waris lain. Rumah itu akan menjadi miliknya seorang dan baki *tarikah* akan

dibahagikan kepada waris-waris lain mengikut persetujuan yang dibuat seolah-olah waris yang menarik diri tidak wujud (al-Hasarī 1992).

3. *Takhāruj* dengan bayaran dari harta lain. Pembayaran tersebut boleh dibuat secara sama rata sesama waris atau mengikut kadar bahagian mereka dalam pusaka atau mengikut kadar tertentu yang dipersetujui. Bahagian waris yang menarik diri akan dibahagi sama rata atau mengikut hukum faraid atau mengikut kadar sumbangan yang diberikan oleh setiap waris (al-Hasarī 1992).

APLIKASI KONSEP *TAKHĀRUJ* DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL ORANG ISLAM DI MALAYSIA

Kajian yang dilakukan oleh Mohamad Khairul Anwar Osman (2001) di Pahang, Hawa Noordin (2002) di Wilayah Persekutuan, Jasni Sulong (2005), Baharuddin Aziz (2009) di Kota Setar dan Wan Saifuldin W. Hassan (2010) di Kuala Terengganu mendapati konsep *takhāruj* diaplikasikan dalam pembahagian harta pusaka kecil orang Islam di Malaysia.

PEMAHAMAN WARIS TENTANG HUKUM PUSAKA ISLAM KHUSUSNYA TENTANG *TAKHĀRUJ* ADALAH RENDAH

Baharuddin Aziz (2009) merumuskan dalam kajiannya bahawa di Kota Setar tahap kesedaran orang ramai terhadap konsep *takhāruj* adalah rendah dan kecenderungan responden memilih faraid dalam membahagi harta pusaka adalah sebanyak 65% berbanding 35% memilih kaedah *takhāruj*.

KONSEP *TAKHĀRUJ* SEBAGAI DAPATAN ATAU CADANGAN SEBAGAI JALAN PENYELESAIAN DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Pengkaji-pengkaji lepas seperti Wan Nadiah Wan Endut (2005), Ratna Zuhairah Abdul Halim (2006), Sukriah Ismail (2006) memasukkan konsep *takhāruj* sebagai cadangan sebagai jalan penyelesaian dalam pembahagian harta pusaka dalam kajian mereka. Sementara Wan Saifuldin W. Hassan (2010) melalui kajian terhadap kes-kes *munāsakhat* di Kuala Terengganu merumuskan kecenderungan penggunaan konsep tersebut dalam dapatan kajiannya berkaitan kes-kes *munāsakhat*.

PEMILIHAN DAN PENOLAKAN WARIS TERHADAP KONSEP *TAKHĀRUJ* BERGANTUNG KEPADA PELBAGAI FAKTOR

Mohamad Khairul Anwar Osman (2001) membuat rumusan bahawa konsep '*mutual agreement*' atau *takhāruj* merupakan kaedah yang menjadi pilihan dalam penyelesaian harta pusaka berbanding kaedah farā'id. Kerana ia merupakan cara penyelesaian terpantas di samping untuk menguatkan ikatan kekeluargaan dan ada juga kerana mengikut majoriti ahli waris lain.

Sebaliknya, Baharuddin Aziz (2009) mendapati konsep *takhāruj* tidak menjadi pilihan di Kota Setar, Kedah kerana tujuh puluh peratus (70%) waris memilih kaedah faraid disebabkan nilai kenangan terhadap si mati menyebabkan waris lebih suka memiliki harta walaupun sedikit, tambahan pula nilai tanah akan meningkat sekiranya berlaku pengambilan tanah oleh kerajaan dan waris-waris akan tetap dapat menikmati hasil pampasan. Hanya tiga puluh peratus (30%) waris memilih kaedah *takhāruj* kerana mengikut pesanan atau wasiat si mati.

Jasni Sulong (2005) pula merumuskan kecenderungan untuk melakukan pembahagian secara farā'id berlaku apabila melibatkan masyarakat bandar dan keadaan waris wanita lebih ramai daripada waris lelaki. Manakala kecenderungan untuk melakukan pembahagian secara muafakat pula apabila melibatkan masyarakat kampung dan keadaan waris lelaki lebih ramai daripada wanita.

KESIMPULAN

Hukum pusaka Islam telah menggariskan waris-waris yang berhak serta bahagian mereka dalam *tarikah*. Selain dari pembahagian mengikut kaedah faraid, *takhāruj* merupakan jalan penyelesaian alternatif. Ia merupakan *ṣulh* sesama waris dengan berasaskan kepada prinsip reda dan tolak ansur. *Takhāruj* memberi peluang kepada waris-waris memilih cara penyelesaian terbaik dalam pembahagian harta pusaka mereka.

Berdasarkan rujukan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji temporer di Malaysia, perbincangan tentang konsep *takhāruj* amat kurang dan perbahasannya tidak terperinci khususnya bagi kajian pemakaiannya di UPPK Kuala Terengganu. Justeru itu, pengkaji merasakan kajian ini amatlah perlu dilakukan

sebagai kesinambungan kajian-kajian terdahulu bagi meneroka pemakaian kaedah *takhāruj* sebagai kaedah penyelesaian pembahagian harta pusaka yang efektif di Malaysia dan khususnya di daerah Kuala Terengganu.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Hj. Abdul Latif. 2009. *Undang-undang Pusaka dalam Islam Suatu Kajian Perbandingan*. Cetakan 7. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Abd Al-Jawwād. Ahmad. 1989. *Usūl ‘Ilm al-Mawārīth: Qismat al-Tarikah bi al-Tarīqat al-Ḥisābiyyah wa al-Qirā’at*. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abu Zuhrah. Muhammad Ibn Ahmad. 1923. *Ahkām al-Tarikah wa Mawārīth*. Kaherah: Dār al-Fikrī al-‘Arabī.
- Ahmad Embong. 2012. Pembahagian Harta Pusaka di UPKK Terengganu, Kuala Terengganu. Temu bual, 8 Mac.
- Ahmad al-‘Ayad, Ahmad Mukhtar ‘Umar, Al-Jailani bin al-Haj Yahya, Daud ‘Abduh, Soleh Jawad Toāmah & Nadim Mar‘asyli, 1988, *Mu‘jam al-‘Arab al-Asasi*. Maghribī: Lārus.
- Anon. 2003. Anak mohon ibu junjung al-Quran nafi wasiat ayah. *Utusan Malaysia*, 29 Julai.
- Anon. 2005. Gara-gara pusaka lelaki tua diikat ambil cap jari. *Utusan Malaysia*, 24 Mei.
- Anon. 2010. Dua anak Syed Kechik halang abang. *Berita Harian*, 16 Januari.
- Al-Baihaqī. Abī Bakr Ahmad bin Husain. 1999. *Al-Sunan al-Kubrā*. Jld. 7. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Baharuddin Aziz. 2009. *Takhruj dalam pembahagian pusaka islam: kajian di daerah Kota Setar*. Tesis Sarjana. Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Bāshā Muhammad Qadrī. 2006. *Ahkām al-Shar‘at fi al-Ahwāl al-Shakhsīyyah*. Jil.4. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Dusūqī. Shamsuddīn Muhammad ‘Arafah. t.th. *Hāshiyat al-Dusūqī ‘Ala Sharh al-Kabīr*. Juzuk 4. Kaherah: Dār ‘Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Ghāmīdī, Nāṣir bin Muhammad. 1429H. *Al-Takhāruj baina al-warathah, ahkāmuhu wa suwaruhu fi al-fiqh al-islāmī. Majalah Jāmi‘ah Ummu Qurā l’ulūmi al-Shar‘ah wa Dirāsāti al-Islāmiyyah*, (45).
- al-Hasarī, Ahmad. 1992. *Al-Tarikāt wa al-Wasāyā wa al-Qadāyā al-Muta‘alliqah bihima fi al-Fiqh al-Islāmī al-Muqāran*. Bayrut: Dār al-Jīl.
- Hawa Noordin. 2002. Permuafakatan sebagai asas pembahagian pusaka orang-orang Islam: amalan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan. Tesis Sarjana Muda, Akademi Pengajian, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- HLA Integrated. ICT Development and Consultancy. 2009. *Manual Pengguna “Modul Pembahagian Pusaka Kecil – Seksyen 8/17”*. Kuala Lumpur: HLA Integrated Sdn. Bhd.
- Husayn, Ahmad Farāj. 2003. *Nizām al-‘Ilrth fi al-Tashrī‘ al-Islāmī*. Iskandariyah: Dār al-Jāmi‘at al-Jadīdat li Nashr.
- Ibn ‘Ābidīn, Muhammad Amīn bin ‘Umar. 2000. *Raddu al-Mukhtār ‘ala al-Darr al-Mukhtār Hāshiyat Ibn ‘Ābidīn*. Juzuk 12. Bayrut: Dār al-Ma‘rifah.
- Ibn Hajar, Shihāb al-Dīn Abī al-Faḍl. 1959. *Fath al-Bārī bi Sharh al-Bukhārī*. Jil. 5. Qaherah: Maktabat Mustafā al-Bābī al-Halabī.
- Ibn Qudāmah. 1988. *Al-Kāfi fi Fiqh Imam al-Mujjabal Ahmad bin Hanbal*. Bayrut: al-Maktabah al-Islāmī.
- Ibn Qudāmah. 1994. *al-Mughnī ‘ala Mukhtaṣar al-Kharqī*. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah. 1996. *Sharh al-Kabīr*. Jīzat: Hajar.
- Ibn Rushd. Muhammad bin Ahmad. 1999. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtasid*. Bayrut: Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Manzur. t.th.. *Lisān al-‘Arab*, Jil. 15. Kaherah: Dār al-Ma‘ārif.
- al-‘Imrānī, Abi Husayn, Yahya bin Abi Khair. 1421H. *al-Bayān fi Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*. Jil. 6. Bayrut: Dār al-Minhāj.
- Jasni Sulong. 2005. *Undang-undang Pusaka Islam: Kajian terhadap Pembaharuan Undang-undang dan Aplikasinya di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.
- Khalīfah, Muhammad Taha Abū al-‘Ulā. 2005. *Ahkām al-Mawārīth, Dirāsāt Tatbīqiyyah*. Cet. 2. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Khālīdī, Muhammad ‘Abdul ‘Azīz. 1996. *Sunnan Abī Dāud lil Imām al-Hāfiz Abī Dāud Sulaymān bin al-Ash‘ath al-Sijistānī*. Juz. 2. Bayrut: Dār ‘Ilmiyyah.
- al-Lāḥim, ‘Abd al-Karīm Muhammad. 2006. *Al-Farāid*. Cet. 2. Riyād: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang. Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) & Peraturan-Peraturan (Hingga 20 Julai 2010).
- al-Māwardī, Abi Hassan. 1994. *Al-Hāwī al-Kabīr fi Fiqh Mazhab Imām Shāfi‘ī r.a*. Juz. 6. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mohamad Khairul Anwar Osman. 2001. *Farā’id in the Pahang State of Malaysia: Theory and Practice*. Tesis Dr. Fal, Universiti Leeds, Leeds.
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang Pusaka Islam Pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah FPI UKM.
- al-Nawawī, Abū Zakariyā Ibn Sharaf. 1992. *Rawdah al-Tālibīn*. Jil. 5. Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Noorhafizul Mohd Noor. 2012. Data-data kes pusaka 2006 - 2010 UPKK Terengganu. Temu bual, 27 Mei.
- Norliza Wasilan. 2009. Pasal harta pusaka – abang robohkan kediaman adik. *Berita Harian*, 9 Ogos.
- Ratna Zuhairah Abdul Halim. 2006. *Pentadbiran harta pusaka orang islam di Malaysia: satu kajian mengikut Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955*. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

- al-Sābūnī, Muhammad °Alī. 1995. *Al-Mawārīth fi al-Sharʿat al-Islāmiyyat fi Ḍaiʿ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- al-Sarkhasī. Shamsuddin. t.th. *Kitāb al-Mabsut li Shamsuddin al-Sarkhasī*. Bayrut: Dār al-Maʿrifah.
- Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil Negeri Terengganu, JKPTG. t.th. Laporan Prestasi Tahun 2006-2010. Kuala Terengganu: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.
- Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. 2008. *Manual Kualiti MS ISO 9001:2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian.
- al-Shāfiʿī. Muhammad bin Idrīs. 2001. *al-Umm*. Juz 5. Bayrut: Dār al-Wafāʾ.
- al-Shīrāzī. Abi Ishāq. Ibrāhīm bin °Alī. 1995. *Al-Muhadhdhab fi Fiqh Imām Shāfiʿī*. Jil.2. Bayrut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Shs Nh Khy. 2007. Nilai harta pusaka tak dituntut rakyat Malaysia cecah RM40 Bilion. *Bernama*, 10 Julai.
- Sukriah Ismail. 2006. Pentadbiran harta pusaka orang islam di Amanah Raya Berhad: kajian kes antara tahun 2000-2005. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Wan Nadiyah Wan Endut. 2005. Harta pusaka dalam Islam: kajian terhadap amalan semasa dan undang-undang yang diguna pakai di Daerah Kuala Terengganu. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Wan Saifuldin W. Hassan. 2010. Penyelesaian *munāsakhāt* di Unit Pembahagian Pusaka Kecil Kuala Terengganu. Tesis Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Wan Najmiah Wan Mohamad Ali
Md Yazid Ahmad
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
MALAYSIA

